



**JABATAN PERUMAHAN NEGARA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN**

**KENYATAAN SEBUT HARGA
(SEBUT HARGA NO. JPN/SH/K/01/2023)**

Sebut Harga adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) bagi kerja berikut:-

Pejabat yang memanggil Sebut Harga	Tajuk Sebut Harga	Taraf / Jenis Sykt *	Kelayakan	Tempat & Tarikh Dokumen Diperoleh	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Lawatan Tapak	Tempat, Tarikh & Waktu Sebut Harga Ditutup
Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (JPN, KPKT)	KERJA – KERJA PENYELENGGARAAN SISTEM LIF SECARA KOMPREHENSIF UNTUK 10 UNIT LIF DAN KERJA-KERJA BERKAITAN BAGI TEMPOH DUA PULUH EMPAT (24) BULAN DI BAWAH PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) KOTA BHARU, KELANTAN	Terbuka	CIDB Gred G2 Kategori : ME Pengkhususan: M03 serta Firma Yang Kompeten (FYK) berdaftar di Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (JKKP) Sub FYK: Lif	Dokumen sebut harga akan diedarkan kepada penyebut harga yang layak melalui emel syarikat selepas semakan dilakukan. Penyebut harga hendaklah menggunakan alamat emel yang sah dan masih aktif. 9 Mei 2023 (Selasa) hingga 25 Mei 2023 (Khamis)	PERCUMA (Tanpa Bayaran)	Lawatan Tapak: 18 Mei 2023 (Khamis) Lokasi: PPR Kota Bharu, Kelantan Masa : 9.30 pagi Lawatan Tapak adalah WAJIB	Aras 30, Bahagian Pengurusan Perumahan, Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan, No.51, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya 25 Mei 2023 (Khamis); 12.00 Tengah Hari
		Kontraktor DIWAJIBKAN untuk hadir lawatan tapak atas tanggungjawab sendiri bagi membantu kontraktor mendapat maklumat yang lebih tepat dan mengetahui keadaan/maklumat tambahan yang berguna bagi menyediakan tawaran sebutharga. Permohonan lawatan tapak boleh dikemukakan kepada Ejen Pengurusan PPR di alamat emel pprkb2018@gmail.com atau di talian 09-7421885.					

Permohonan Dokumen Sebut Harga adalah secara atas talian (online). Sehubungan dengan itu, kontraktor **WAJIB** mengisi Borang Saringan di link [BORANG SARINGAN PENYEBUTHARGA JPN: PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN SISTEM LIF SECARA KOMPREHENSIF UNTUK 10 UNIT LIF DAN KERJA-KERJA BERKAITAN BAGI TEMPOH DUA PULUH EMPAT \(24\) BULAN DI BAWAH PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT \(PPR\) KOTA BHARU, KELANTAN.docx](#) bermula **9 Mei 2023 (Selasa) Hingga 25 Mei 2023 (Khamis)**. Salinan PDF Sijil Asal Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) perlu dilampirkan bersama-sama dengan Borang Saringan kepada alamat emel ummikalsom@kpkt.gov.my dan ushadevi@kpkt.gov.my.

Dokumen Sebut Harga yang telah diemel hendaklah dimuat turun, dicetak dan diisi dengan lengkap dan dihantar bersama salinan sijil-sijil yang berkaitan.

Penyebut harga perlu menghantar dokumen sebut harga ke dalam Peti Sebut Harga di **Aras 30, Bahagian Pengurusan Perumahan, Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan, No.51, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya** atau jika sebut harga dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, penyebut harga hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada Tarikh Tutup sebut harga **selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari 25 Mei 2023 (Khamis)**. **Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.**

*Jenis Syarikat: Terbuka